

19/11/1997

Pembangkang diminta contohi Pas

MELAKA, Selasa - Parti pembangkang lain perlu mencontohi tindakan Pas menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menghadapi apa juga bentuk tekanan dari negara luar.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, berkata perbezaan fahaman politik perlu diketepikan tetapi menyatakan sokongan tidak berbelah bagi terhadap kepemimpinan negara.

Katanya, ini untuk membuktikan kepada negara luar yang membuat tekanan supaya tidak mencampuri urusan dalaman Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat.

"Parti pembangkang yang lain sepatutnya mencontohi tindakan Pas yang menyokong kepemimpinan Perdana Menteri. Walaupun fahaman politik yang berbeza tetapi dalam menghadapi keadaan seperti ini, kita sebagai rakyat Malaysia yang berdaulat perlu bersatu hati untuk mempertahankan pemimpin dan negara yang kita kasihi," katanya.

Abu Zahar berkata demikian di hadapan lebih 500 ahli Umno yang membuat kunjungan hormat di kediamannya di Seri Bendahara sempena dengan majlis kunjung ramah mesra pemimpin bersama rakyat.

Beliau juga mahu ahli Umno Melaka sentiasa bersatu padu supaya dapat mengekalkan kestabilan politik di negeri dan negara ini.

Menurutnya, kestabilan politik adalah resepi utama negara sentiasa berada aman dan tenteram walaupun cuba diganggu gugat oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Kita seharusnya meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan politik kerana pentadbiran yang baik melalui sokongan padu oleh rakyat menjadi aset penting dalam kestabilan negara," katanya.

Ketua Menteri turut mengingatkan ahli Umno supaya tidak membawa atau menceritakan masalah parti kepada orang ramai seperti di warung atau tempat awam.

"Masalah parti sepatutnya dibawa dalam mesyuarat dan kemudiannya dibincangkan bersama ahli jawatankuasa bagi mencari penyelesaian," katanya.

(END)